



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld.2 ()

Tarikh: 30 Syawal 1445H

09 Mei 2024 M

YA Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

YAA Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 1 Tahun 2024

Penerimaan dan Penguatkuasaan
Arahan Amalan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
Tahun 2023

Saya ingin menarik perhatian YAA / YA / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie yang telah diadakan di Bilik Gerakan, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 2 hingga 3 April 2024 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen

Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan bagi pemakaian dan penguatkuasaan Arahan Amalan JKSM tahun 2023 seperti berikut:

BIL	NO. ARAHAN AMALAN	TAJUK ARAHAN AMALAN	CATATAN
1.	1/2023	Tatacara Penukaran atau Pelepasan Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman (JBG) / Peguam Panel JBG	Diterima
2.	2/2023	Penyediaan dan Pengeluaran Perintah Bertulis Bagi Kes Jenayah Syariah	Diterima dengan pindaan pemakaian sistem bagi tujuan penyediaan dan pengeluaran perintah diperluaskan kepada apa-apa sistem pengurusan kes secara elektronik yang digunakan di Mahkamah.
3.	3/2023	Penyediaan Waran Tangkap dan Notis Kepada Penjamin dalam Kes Jenayah Syariah	Diterima
4.	4/2023	Had Masa Pendaftaran dan Sebutan Bagi Kes Jenayah Syariah	Diterima
5.	5/2023	Keperluan Untuk Mengemukakan Carian Rasmi / Persendirian Geran Hak Milik Terkini Semasa Pendaftaran dan Pada Mana-Mana Peringkat Prosiding Sebelum Penghakiman Bagi Tuntutan / Permohonan Harta Tak Alih	Diterima
6.	6/2023	Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga <i>Ad-Litem</i> Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding di Mahkamah Syariah	Diterima

7.	7/2023	Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Yang Berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU)	Diterima dengan pindaan menolak pemakaian perenggan 2.
8.	8/2023	Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah Dalam Perbicaraan Kes Mal dan Jenayah Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak dan Bisu, dan Penterjemah Bertauliah Bagi Orang Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Kebangsaan	Diterima
9.	9/2023	Penentuan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Yang Mendengar dan Memutuskan Kes Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran	Ditangguhkan
10.	10/2023	Galakan untuk Melantik Peguam Syarie Dalam Prosiding Kes Yang Melibatkan Perbicaraan, Rayuan dan Semakan	Diterima dengan pindaan pemakaian diperluaskan kepada Mahkamah Utama Syariah
11.	11/2023	Pemakaian Prosedur Operasi Standard (<i>Standard Operation Procedure</i> –SOP) Pelaksanaan Hukuman Sebatan di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah	Diterima
12.	12/2023	Pemakaian Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Bagi Pesalah Syariah	Diterima

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai **13 Mei 2024**.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak